

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: PTPK/12/A/PPJ/2023/39 (LELONGAN PERTAMA)

Di antara

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Pemegang Gadaian

Dan

MOHD. TAHIR BIN HUSSIN
Penggadai

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kinta yang diperbuat pada 07 Mac 2024 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kinta

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 24/10/2024 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	PM 00006128
No. Lot/PT	Lot 116929
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Hulu Kinta
Keluasan Tanah	372 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	99
Cukai Tanah	RM75
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, digadai dipajak kecil atau dibebankan tanpa kebenaran Menteri Besar Perak. Syarat ini dikecualikan selagi dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	MOHD. TAHIR BIN HUSSIN
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Penserahan 12SC465/1982. Didaftarkan pada 14 Jun 1982

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO 76 LORONG 4,
KG SUNGAI TAPAH TAMBAHAN, 30020 IPOH,
PERAK

HARGA RIZAB: RM 190,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 19,000.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Belas Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **21 Februari 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 22 Mac, 2024

**Pentadbir Tanah
Daerah Kinta
Negeri Perak Darul Ridzuan**